

Mesin toreh getah automatik juara MyInovasi

➔ MeMGA kalahkan 14 pesaing, bawa pulang geran RM50,000

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

Putrajaya

Hasil inovasi Malaysia Spanish Institute, Universiti Kuala Lumpur (UniKL), mesin menoreh getah automatik (MeMGA), dinobatkan sebagai juara nasional Pertandingan Memasyarakatkan Inovasi Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2016 (MyInovasi 2016).

MeMGA, alat memotong kulit getah berkonsepkan putaran mata pisau seperti berus gigi bermotor yang mampu menoreh getah dengan lebih cepat tanpa menyebabkan kecacatan pada pokok ge-

tah itu berjaya menewaskan 14 finalis lain untuk membawa pulang hadiah geran RM50,000.

Tingkat hasil susu getah

Ketua kumpulan penciptaan MeMGA, Muhamad Termizi Muhamad, berkata idea terdapat berikutan isu harga getah yang turun kepada sekitar RM3 sekilogram berbanding RM4 sekilogram pada 2011.

"Ini adalah usaha kami bagi membantu golongan penoreh meningkatkan hasil susu getah kerana penoreh sering berdepan masalah hasil yang sedikit apabila kulit getah sering rosak ketika menoreh (menggunakan pisau toreh biasa)," katanya.



Kain Ching (tengah) bersama pemenang Pertandingan Memasyarakatkan Inovasi Pelajar Institut Pengajian Tinggi 2016 di Putrajaya, semalam.

Hadiah disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching pada majlis penutupan MyInovasi 2016 Peringkat Nasional di Kementerian Pendidikan Tinggi, di sini, semalam.

Ketengah idea pelajar

Ketika berucap pada majlis itu, Kain Ching berkata, dalam konteks inovasi, hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat membawa kepada pengkomersialan produk dan pengkomersialan idea untuk manfaat masyarakat setempat.

Oleh itu, beliau berkata, MyInovasi 2016 adalah pentas terbaik untuk mengetengahkan idea krea-

Fakta
nombor

RM1.25
BILION

pulangan ke atas
pelaburan (ROI)
antara 2007 dan 2011

tif dan inovasi pelajar IPT, khususnya siswazah dalam bidang masing-masing.

"Sebagai contoh, antara 2007 dan 2011, pulangan ke atas pelaburan (ROI) daripada pengkomersialan idea adalah RM1.25 bilion dan ia adalah sumber menjana pendapatan yang lumayan dan berpotensi tinggi kepada IPT negara," katanya.

MyInovasi 2016 diadakan sejak 18 Julai lalu dengan dibahagikan kepada dua peringkat iaitu Peringkat Zon dan Peringkat Nasional yang menawarkan hadiah bernilai RM155,600, terbuka kepada penuntut universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti.